

12 SEP 2003

Bajet-Kemahiran

RM319 JUTA UNTUK TINGKAT KUALITI DAN KUANTITI TENAGA MAHIR

KUALA LUMPUR, 12 Sept (Bernama) -- Kerajaan memperuntuk sebanyak RM319 juta bagi meningkatkan lagi kualiti dan kuantiti tenaga mahir di negara ini, kata Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Perdana Menteri ketika membentangkan Bajet 2004 di Parlimen, berkata, ia akan dilakukan menerusi penambahan kemudahan di pusat latihan kemahiran di samping membina pusat latihan baru.

Kementerian Sumber Manusia akan berupaya melatih seramai 17,000 pelatih dalam pelbagai bidang kemahiran dengan beroperasinya 10 buah institusi latihan baru.

Selain itu, sebanyak RM245.5 juta diperuntukkan bagi menambah kemudahan serta membina 25 buah Institut Kemahiran Belia Negara yang akan melatih seramai 11,000 pelatih.

Beliau berkata sebanyak RM77.5 juta akan disediakan untuk menyiapkan 14 projek sedia ada serta membiayai tiga projek baru dan sebanyak RM107.3 juta disediakan bagi membiayai kos pengurusan Institut Kemahiran Mara.

Dr Mahathir meminta syarikat milik kerajaan seperti Tenaga Nasional Berhad dan Telekom mengadakan latihan teknikal dan vokasional di pusat latihan mereka.

Kerajaan juga mencadangkan perbelanjaan yang ditanggung oleh majikan bagi menggaji graduan menganggur yang berdaftar dengan Unit Perancang Ekonomi, diberi potongan cukai dua kali untuk tempoh dua tahun.

Bagi graduan menganggur yang memerlukan latihan semula, mereka boleh mendapatkan pembiayaan melalui Tabung Latihan Semula di bawah Pakej Strategi Baru, katanya.

Beliau berkata di bawah Pakej Strategi Baru, kerajaan telah memperuntukkan RM500 juta kepada Tabung Pembangunan Kemahiran bagi membantu pelatih institusi kemahiran mendapat pinjaman.

Institusi latihan tersebut meliputi Institut Latihan Perindustrian, Institut Kemahiran Mara, Institut Kemahiran Belia Negara dan institusi swasta yang terpilih.

Dr Mahathir berkata sebuah agensi khusus ala Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional akan ditubuhkan bagi menguruskan tabung pembangunan kemahiran itu dengan kadar faedah pinjaman sebanyak tiga peratus dan jadual serta kadar bayaran balik bulanan dibuat secara berperingkat.

Selain daripada institusi-institusi latihan tersebut, kolej komuniti juga akan menyediakan latihan kemahiran vokasional manakala pusat-pusat giat Mara akan ditingkatkan sebagai Kolej Komuniti yang memberi penekanan kepada latihan vokasional.

-- BERNAMA

JM AHH MOZ